

**PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN**  
**PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT (PPES 2023)**

**1. PENGENALAN**

- 1.1 Program Pembangunan Ekonomi Setempat (PPES 2023) merupakan satu program yang dirangka bagi mengenal pasti projek-projek keusahawanan yang berpotensi dan berdaya maju berasaskan komuniti di Negeri Johor.
- 1.2 Ia merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor dan dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB).
- 1.3 Nilai bantuan adalah **SEHINGGA RM 20,000.00** dalam bentuk :
  - **Menaiktaraf infrastruktur (sediada sahaja)**
  - **Mesin / peralatan**
- 1.4 Permohonan **hanya terbuka** kepada Persatuan / Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS / Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY) / Pejabat Daerah di Negeri Johor / jabatan / agensi / kementerian yang berkaitan serta telah aktif sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh pendaftaran.
- 1.5 Permohonan **tidak terbuka** kepada **koperasi, individu, syarikat** atau selain dinyatakan di para 1.4.
- 1.6 Pastikan **maklumat yang diisi adalah tepat, betul dan lengkap** serta pastikan dokumen-dokumen yang diperlukan **mestilah masih sah dan aktif** dan telah dimuatnaik (saiz fail maksimum 5mb sahaja bagi setiap dokumen) semasa permohonan dibuat sebelum menghantar kerana pihak urusetia tidak bertanggungjawab jika permohonan gagal atas masalah teknikal.

**2. SYARAT PERMOHONAN**

- 2.1 Pemohon mestilah dalam kalangan ahli pertubuhan yang berdaftar dengan persatuan atau pertubuhan (NGO) tanpa mengira jawatan yang dipegang.
- 2.2 Permohonan hanya terbuka kepada Persatuan atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan telah berdaftar (salah satu) dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) atau Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY) atau Pejabat Daerah di Negeri Johor atau jabatan / agensi atau kementerian yang berkaitan serta telah aktif sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh pendaftaran.
- 2.3 Terbuka kepada semua projek yang patuh syariah serta melibatkan aktiviti ekonomi seperti perladangan, pertanian, perikanan dan lain-lain yang berkaitan dan melibatkan komuniti setempat.

**PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN  
PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT (PPES 2023)**

- 2.4 Projek yang memberikan impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi komuniti dan mempunyai nilai tambah dan nilai pengganda yang tinggi.
- 2.5 Bagi projek yang dilaksanakan mestilah telah berjalan sekurang-kurangnya 6 bulan dan keatas.
- 2.6 Bagi projek yang dibawah 6 bulan atau baru bermula perlu sertakan kertas cadangan bagi pelaksanaan projek tersebut sebagai pertimbangan syarat permohonan.
- 2.7 Projek perlu diusahakan atau beroperasi di dalam Negeri Johor sahaja dan dijalankan secara berkumpulan/komuniti.
- 2.8 Permohonan yang dibuat menerusi Persatuan atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu mempunyai kewangan yang kukuh serta kapasiti, keupayaan, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek berkaitan.
- 2.9 Keutamaan diberikan kepada yang **belum pernah** menerima mana-mana bantuan Kerajaan Negeri Johor atau Persekutuan dalam tempoh 2 tahun.(Tertakluk kepada rekod agensi yang dimaklumkan kepada PUJB)
- 2.10 Permohonan bagi skop bantuan **tidak terbuka** kepada aktiviti kebajikan, kemasyarakatan, kursus, latihan, program bantuan, pembinaan infrastruktur dan apa-apa perkara yang tidak berkaitan aktiviti ekonomi.

### **3. SKOP BANTUAN**

- 3.1.1 Mesin atau peralatan
  - 3.1.1.1 Mesin & peralatan yang dimohon tidak dibenarkan untuk penambahan stok dan kegunaan peribadi.
  - 3.1.1.2 Mesin & Peralatan haruslah dapat membantu meningkatkan tahap perkhidmatan sesebuah komuniti.
- 3.1.2 Menaiktaraf infrastuktur sedia sahaja
  - 3.1.2.1 Hanya bagi infrastruktur yang telah ada dan bukan membina yang baharu.

### **4. PROSEDUR PERMOHONAN**

- 4.1 Borang permohonan perlu diisi menerusi laman sistem PADU, <https://www.pujb.my/> dan klik ke menu urus borang dan pilih borang Program Pembangunan Ekonomi Setempat (PPES 2023) bermula 12 Februari 2023 (Ahad), jam 9.30 malam sehingga 01 Mac 2023 (Rabu), jam 5.00 petang.
- 4.2 Pastikan **dokumen yang disediakan masih aktif, sah dan betul** sebelum dimuat naik semasa mengisi borang permohonan dalam format ditetapkan iaitu :-

**PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN  
PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT (PPES 2023)**

- 4.2.1 Permohonan menggunakan nama wakil komuniti.
  - 4.2.2 Perlu sertakan sijil pendaftaran pertubuhan atau dokumen rasmi lain bagi bukti pendaftaran.
  - 4.2.3 Perlu sertakan gambar (projek) jika projek yang dilaksanakan telah berjalan sekurang-kurangnya 6 bulan dan keatas.
  - 4.2.4 Bagi projek yang dibawah 6 bulan atau baru bermula perlu sertakan kertas cadangan.
  - 4.2.5 Sertakan Salinan kad pengenalan wakil komuniti iaitu Pemohon (Depan dan hadapan dalam satu helaian)
  - 4.2.6 Pemohon **perlu mendapatkan tiga (3) sebutharga dari tiga (3) pembekal yang berlainan sebagai perbandingan.** Sebutharga merangkumi jenama, kapasiti, saiz dan berat yang sama serta mempunyai tandatangan dan cap yang sah dari pembekal. Jika sebutharga tiada cap mestilah ada dinyatakan ia dihasilkan oleh komputer. Sila rujuk contoh yang diberikan.  
  
Pembelian atau penambahan barangan bukan mesin, peralatan seperti pembersihan kawasan, tanah, racun, baja, benih pokok atau benih haiwan, *cocopeat* atau seumpama dengannya adalah diluar skop bantuan.  
  
Sebutharga yang diperolehi perlu disatukan dalam satu fail mengikut format pdf dan dimuatnaik ketika permohonan.
  - 4.2.7 PUJB tidak terikat dengan mana-mana pembekal yang dipilih oleh pemohon dan kos yang diberikan mestilah termasuk kos pemasangan, penghantaran, cukai dan lain-lain kos yang berkaitan.
  - 4.2.8 PUJB juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesan dari pemilihan pembekal yang dicadangkan dan dimaklumkan bahawa tawaran sebutharga mestilah sah dalam tempoh 90 hari dari tarikh tutup permohonan 01 Mac 2023 bagi mengelakkan harga kos bertambah.
- 4.3 Setiap mesin & peralatan yang di mohon **TIDAK BOLEH** ditukar selepas membuat permohonan.
  - 4.4 Hanya yang **BERJAYA** sahaja akan dihubungi semula melalui email. Pastikan emel aktif dan betul.
  - 4.5 Sekiranya tidak mendapat sebarang makluman dari PUJB dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup **permohonan dianggap tidak berjaya.**
  - 4.6 Sekiranya terdapat sebarang pemalsuan maklumat atau dokumen sokongan tidak lengkap, permohonan serta merta **TERBATAL.**

- 4.7 Segala keputusan adalah **MUKTAMAD** dan **TIADA RAYUAN DILAYAN**.

## **5. KAEDAH PELAKSANAAN OLEH URUSETIA**

- 5.1 Saringan Permohonan & Dokumen
- 5.2 Sesi Temuduga atau Lawatan Tapak
- 5.3 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal
- 5.4 Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan
- 5.5 Penyerahan Surat Kelulusan
- 5.6 Penerimaan bantuan mesin dan peralatan/ penambahbaikan infrastruktur.
- 5.7 Setelah penerimaan bantuan, perlu menghantar laporan kemajuan projek kepada urusetia dalam tempoh 6 bulan.

## **6. PENGESANAN PROJEK**

- 6.1 Pemantauan akan dibuat selepas 6 bulan setelah menerima bantuan.
- 6.2 **Bagi yang tidak memanfaatkan peruntukan yang diberikan, Kerajaan Negeri Johor melalui Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) berhak menyenarai hitam nama komuniti tersebut dan menarik balik geran yang diberikan.**

**SEBARANG PERTANYAAN LANJUT BOLEH HUBUNGI KAMI DI :**

**SEKRETARIAT PPES 2023**  
JABATAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
PERBADANAN USAHAWAN JOHOR SDN BHD  
NO 24 JALAN ISKANDAR PUTERI 1/3,  
ISKANDAR PUTERI COMMERCIAL CENTRE,  
TAMAN NUSANTARA PRIMA  
81550 GELANG PATAH  
**JOHOR DARUL TA'ZIM**

TEL : 07- 510 2542 (Waktu pejabat sahaja)  
Whatsapp : +6011-20755135 (Waktu pejabat sahaja)  
E-MEL : jabatanprogram.pujb@gmail.com  
FACEBOOK : Perbadanan Usahawan Johor

**PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN  
PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT (PPES 2023)**

**KA GLOBAL EMPIRE ENTERPRISE**  
NO. 327, JALAN KENANGA 29/9  
INDAHPURA  
81000 KULAI, JOHOR  
**SEBUT HARGA**

NO. SEBUT HARGA : 007/2022

Kepada:

**PERTUBUHAN**

Tarikh: 01 MAC 2022

Maklumat

PERKARA : PEKAKAS BARBER

TEMPAT : KULAI

TEMPOH : 3 MINGGU SERAHAN SELEPAS BAYARAN

BIL.	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH (RM)
1	KERUSI	3	3,940.00
2	MESIN PEMOTONG RAMBUT	3	4,308.00
3	SET PEKAKAS GUNTING RAMBUT	3	540.00
4	KAIN PELAPIK PELANGGAN	5	425.00
5	BERUS RAMBUT	5	500.00
6	PENGERING RAMBUT	3	1,050.00
7	RAK CERMIN	3	750.00
8	ALMARI	3	900.00
9	KERUSI MENCUCI RAMBUT	1	2,500.00
	<b>JUMLAH</b>		<b>14,913.00</b>

  
A GLOBAL EMPIRE ENTERPRISE  
No. 327 Jalan Kenanga 29/9  
Indahpura,  
81000 Kulai Johor Malaysia.

**PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN  
PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT (PPES 2023)**



**Adik Beradik Amir Ent.**

ALAMAT : 157, Jalan Desa 6, Taman Desa, 81000 Kulai, Johor  
TEL : +6014 272 5563

**SEBUT HARGA**

Kepada Pertubuhan : No. Rujukan : NO 23 - 5/1  
Tarikh : 1 March. 2022

PER SEBUT HARGA PEKAKAS KEDAI GUNTING RAMBUT

BIL	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA / UNIT	JUMLAH
1	KERUSI	3	RM877.50	RM2,632.50
2	MESIN PEMOTONG RAMBUT	3	RM1,147.50	RM3,442.50
3	SET GUNTING	3	RM135.00	RM405.00
4	KAIN GUNTING RAMBUT	5	RM40.50	RM121.50
5	BERUS RAMBUT	5	RM40.50	RM121.50
6	PENGERING RAMBUT	3	RM202.50	RM607.50
7	CERMIN	3	RM202.50	RM607.50
8	ALMARI	3	RM135.00	RM405.00
9	KERUSI CUCI RAMBUT	1	RM2,025	RM2,025.00
			<b>JUMLAH</b>	<b>RM10,368.00</b>

Yang Benar,

ADIK BERADIK AMIR ENTERPRISE



CONTOH

**PANDUAN DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN  
PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT (PPES 2023)**



**HERITAGE CALIPH**  
(JM0544094-P)

**SEBUT HARGA**

Kepada:  
Pertubuhan

QUOT. NO. 0207  
Tarikh : 1 MAC 2022

**Maklumat**

PERKARA : Sebut Harga Barangan Gunting Rambut

**Maklumat Pembayaran**

NAMA AKAUN : Heritage Caliph  
BANK : Alliance Bank  
NO. AKAUN : 010280010256761

BIL	PERKARA	UNIT (RM)	KUANTITI	JUMLAH (RM)
1	KERUSI AUTO (NAIK DAN TURUN)	845.00	3	2,535.00
2	MESIN WAHL (SET)	1,105.00	3	3,045.00
3	SCISSORS BARBER SET	130.00	3	390.00
4	KAIN PELAPIK BARBER	39.00	5	195.00
5	BARBER BRUSH	39.00	5	195.00
6	HAIR DRYER (SET)	195.00	3	585.00
7	BAK CERMIN	195.00	3	585.00
8	BAK BERGERAK	130.00	3	390.00
9	KERUSI CUCI RAMBUT	1,950.00	1	1,950.00
	<b>JUMLAH</b>			<b>9,870.00</b>

(RINGGIT MALAYSIA : SEMBILAN RIBU LAPAN RATUS TUJUH PLUH SAHAJA)

**HERITAGE CALIPH**  
(JM0544094-P)  
No. 1, Jalan Kiangang,  
Kampung Rahmat,  
81000 Kulai, Johor.